

# ADAT MELENGGANG PERUT DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

Oleh : MACHITA OTHMAN

ADAT boleh diistilahkan suatu kebiasaan atau perbuatan yang telah diterima oleh masyarakat sebagai suatu peraturan hidup yang mesti dipatuhi. Hinggakan pepatah Melayu ada mengatakan "Biar mati anak, jangan mati adat". Sesungguhnya tidak boleh dinafikan bahawa orang Melayu memang terkenal dengan adat resamnya. Menurut sejarah, kebanyakan adat resam orang Melayu ditiru daripada adat resam agama Buddha atau Hindu.

Di antara adat resam yang masih lagi diamalkan oleh sebahagian masyarakat Melayu ialah adat melenggang perut. "Lenggang perut" atau "kirim perut" atau "mandi tian" mengikut istilah orang Melayu di sebelah Utara merupakan suatu adat yang dijalankan ke atas seorang perempuan mengandung yang telah genap tujuh bulan kandungannya.

Tujuan diadakan adat melenggang perut ini ialah untuk membetulkan kedudukan anak di dalam kandungan perempuan yang hamil iaitu supaya anak tersebut mudah dilahirkan.

Biasanya adat ini dilakukan pada tanggal 19 atau 21 atau 23 haribulan Islam. Hari yang paling baik ialah hari Rabu dan Khamis.

## PERALATAN

Peralatan atau kelengkapan yang diperlukan untuk menjalankan adat ini ialah:

- i) 7 helai kain (sebaik-baiknya mempunyai warna yang berlainan dan salah satu daripadanya mestilah berwarna putih).
- ii) Segantang beras yang dikenali sebagai "beras pemberkat".
- iii) Wang pengeras (biasanya bagi masyarakat di Utara wang pengeras ialah sebanyak RM 1.25) .
- iv) 3 biji limau purut.
- v) Sintuk, tepung tawar, bertih, beras kunyit.
- vi) Minyak kelapa.
- vii) Kelapa.
- viii) Seekor ayam dara.
- ix) Lilin dan beberapa urat benang mentah.
- x) Tepak sirih serta buyung yang dipenuhi air.

## BAGAIMANA ADAT INI DIJALANKAN

TOK BIDAN yang telah ditempah untuk menjalankan adat melenggang perut ini, terlebih dahulu akan mengandam perempuan hamil tersebut dengan jampi menteranya.

Seterusnya kain tujuh warna tadi dibentangkan secara melintang sehelai di atas sehelai lagi. Kemudiannya perempuan yang hamil tadi dibaringkan di atas kain tersebut. Minyak kelapa atau urut disapukan pada perut perempuan tersebut. Lilin dipasangkan, tepung tawar dicalit ke muka perempuan hamil tersebut dan beras kunyit ditabur. Perbuatan ini disertai dengan jampi mentera serta doa. Setelah itu diambil pula kelapa yang telah dikupas kulitnya dan digulingkan ke atas perut perempuan sebanyak tujuh kali. Pada kali yang ketujuh dibiarkan kelapa itu jatuh sambil diperhatikan oleh Tok Bidan tentang bagaimana keadaan kelapa itu apabila ia berhenti bergolek. Jika mata kelapa itu berada di atas, perempuan tersebut akan beroleh anak lelaki, jika ke bawah perempuan tersebut akan memperolehi anak

perempuan. Terdapat juga bidan yang tidak menggunakan kelapa untuk upacara tersebut sebaliknya menggunakan telur ayam. Upacara seterusnya ialah Tok Bidan akan memegang kedua-dua hujung kain lapisan yang teratas sekali dan kain tersebut dilenggang-lenggangkan di atas perut perempuan hamil sambil membaca doa. Dari perbuatan inilah terbitnya istilah lenggang perut. Kemudian kain itu ditarik keluar. Ia dilakukan sehingga habis ketujuh-tujuh helai kain tersebut. Kain yang di bawah sekali akan diberikan kepada Tok Bidan bersama-sama dengan beras, lilin, sirih pinang, ayam dara serta wang pengeras. Perempuan tersebut kemudiannya disuruh mandi bersintuk limau menggunakan air di dalam buyung tadi.

Pada hari upacara itu dijalankan, biasanya diadakan kenduri nasi kunyit atau pulut kuning oleh kaum keluarga perempuan tersebut. Kini dengan peredaran zaman dan pengaruh sains dan teknologi, adat seperti ini tidak banyak diadakan lagi. Jika ia diadakan, pengubahsuaian dilakukan agar tidak bertentangan dengan agama Islam.

